

Semua negeri perlu haram penjualan telur penyu *um 29/03/08 Pg. 9.*

SANDAKAN, 28 Mac - Negeri-negeri di Semenanjung perlu menguatkuasakan undang-undang mengharamkan penjualan telur penyu demi mengelakkan kemungkinan haiwan tersebut pupus di negara ini.

Dr. Juanita Joseph, pensyarah di Jabatan Sains Marin Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkata, pada masa ini hanya Sabah dan Sarawak menguatkuasakan undang-undang seumpama itu.

Beliau berkata, di Sabah, tindakan kerajaan negeri mengharamkan penjualan telur penyu telah membantu pemuliharaan bintangit itu terutama di Taman Pulau-Pulau Penyu di Sandakan.

"Taman itu melibatkan Pulau Selingan, Bakungan Kechil dan Gulisan sentiasa mencatatkan pendaratan penyu untuk bertelur yang tinggi setiap tahun.

"Tapak Penetasan Penyu yang diwujudkan di ketiga-tiga pulau tersebut juga berjaya menetaskan banyak telur penyu setiap tahun," katanya *Bernama* selepas menyampaikan kertas kerja di Bengkel Penambahbaikan Pengurusan dan Perlindungan Penyu di Pulau Bakungan Kechil di sini.

Dr. Juanita kini terlibat dalam program pemuliharaan penyu di Pulau Redang di Terengganu.

- Bernama